

## **NAMA PENGAJIAN**

Madrasah Harian ini dinamakan sebagai **PROGRAM PENGAJIAN ISLAM DAN AL-QURAN**. Ringkasannya ialah **PPIQ**.

Madrasah Harian ini adalah pengajian tahfiz Al-Quran dan subjek-subjek agama dan akademik yang diadakan pada setiap hari, Isnin hingga Jumaat.

## **OBJEKTIF**

Objektif PPIQ adalah seperti berikut:

- 1) Memberikan peluang kepada pelajar tahfiz sepenuh masa untuk mendalami ilmu Islam sehingga mampu meneruskan pengajian di peringkat lebih tinggi.
- 2) Mempersiapkan pelajar dengan kefahaman asas dalam fardu ain (Aqidah, Fiqh, Sirah dan Akhlak).
- 3) Menghafal seberapa banyak surah-surah Al-Quran yang termampu dengan penghafalan yang baik.
- 4) Memperkasa pelajar dengan Bahasa Melayu, Bahasa Arab, Bahasa Inggeris dan Matematik.

## **TEMPOH PENGAJIAN**

Pengajian PPIQ adalah selama 4 tahun. Setiap tahun dibahagikan kepada dua semester.

## **SYARAT KEMASUKAN**

Berumur 13 tahun ke atas. Mampu membaca Al-Quran pada peringkat asas.

## **MASA KELAS**

Kelas dijalankan setiap hari Isnin hingga Jumaat.

Masa adalah seperti berikut:

Isnin hingga Khamis: 9.00 pagi — 2.15 petang

Jumaat: 9.00 pagi – 12.50 petang

## **JADUAL SEMESTER**

Semester 1: 2 Jan – 18 May 2019

Semester 2: 25 Jun – 9 Nov 2019

## **SUBJEK**

Subjek-subjek Madrasah Harian terbahagi kepada tiga jenis:

- Al-Quran
- Agama
- Akademik

### **Subjek-subjek Al-Quran**

1. Tahfiz
2. Tajwid
3. Tafsir\*
4. Ulum Quran (Tahun 3 & 4 sahaja)\*

### **Subjek-subjek Agama**

1. Akidah\*
2. Fiqh\*
3. Akhlak\*
4. Sirah\*
5. Hadith

### **Subjek-subjek Akademik**

1. English – Silibus Darul Huffaz
2. Malay – Silibus O level
3. Arab – Silibus Darul Huffaz
4. Maths – Silibus Darul Huffaz

Semua subjek diajar sepanjang tahun melainkan yang bertanda (\*). Subjek-subjek (\*) diajar ikut semester.

## **SUKATAN HAFALAN BAGI SUBJEK TAHFIZ**

- 1) Minimum 2 Juzuk setiap tahun (30, 1-7 Juzuk)
- 2) Memulakan menghafal daripada Juz 30 kemudian berpindah ke Juz 1.

### **PEPERIKSAAN**

Pelajar akan mengambil peperiksaan pada setiap akhir semester.

#### **Subjek Tahfiz Al-Quran:**

Pelajar akan menduduki ujian lisan sebanyak 1 juzuk pada setiap semester.

### **PEMARKAHAN**

#### **Peperiksaan bertulis:**

Kehadiran	: 10%
Penilaian/prestasi dalam kelas	: 20%
Ujian akhir semester	: 70%
<b>Markah keseluruhan</b>	<b>: 100%</b>

#### **Ujian Lisan (Tahfiz)**

Kehadiran	: 10%
Penilaian/prestasi dalam kelas	: 10%
Ujian akhir semester	: 80%
<b>Markah keseluruhan</b>	<b>: 100%</b>

## **YURAN**

Yuran : \$140/bulan

Yuran material fees: \$80/semester (Nota, peperiksaan, Daily Tahfiz Progress Book, report book, buku-buku teks Darul Huffaz. Tidak termasuk buku-buku teks luar)

## **PENGANUGERAHAN SIJIL**

Pelajar yang telah tamat pengajian pada Tahun 4 akan dianugerahkan Sijil Pengajian Islam dan al-Quran.

## **MELANJUTKAN PENGAJIAN**

Pelajar yang telah memenuhi syarat umur digalakkan untuk ikuti pengajian Program Pendidikan Islam Lanjutan (PPIL).

## **PERATURAN**

### **Kehadiran**

- 1) Pelajar perempuan dan lelaki wajib datang kelas tepat jam 9.00 pagi.
- 2) Pelajar yang tidak hadir perlu menunjukkan surat MC atau surat dari waris pada kelas berikutnya. Tiada surat MC atau surat waris akan dianggap tidak hadir pada hari tersebut.
- 3) Mana-mana pelajar yang hanya menghadiri kelas PPIQ tanpa menghadiri kelas tahfiz di sebelah pagi tidak akan dikira sebagai hadir.
- 4) Pelajar yang ponteng kelas lebih dari 15% tidak akan dibenarkan mengambil peperiksaan
- 5) Pelajar wajib mendapat keizinan pihak Darul Huffaz untuk keluar dari kawasan Darul Huffaz dalam waktu kelas.
- 6) Kehadiran serta prestasi pelajar akan memberi kesan kepada pencapaian pelajar di dalam pemarkahan pelajaran.

### **Hukuman Bagi Yang Lewat Hadir**

Pelajar yang hadir lewat akan dikenakan hukuman yang berikut:

- 1) Dicitit lewat kehadiran. Mana-mana pelajar yang lewat 15 minit, akan dikenakan denda.

- 2) Kelewatan pada kali pertama dalam seminggu dikenakan denda \$1. Bagi kali kedua adalah \$1.50.
- 3) Untuk kali ketiga lewat dalam minggu yang sama, maka dikenakan denda sebanyak \$1.50 dan denda kebersihan sebagaimana yang akan ditugaskan oleh guru disiplin.
- 4) Jikalau berterusan sikap lewat ke kelas, maka pihak Darul Huffaz boleh mengenakan tindakan disiplin yang lebih serius seperti menghubungi ibu-bapa atau digantung sekolah.

### **Yuran**

- 1) Pelajar wajib membayar yuran pada setiap awal bulan.
- 2) Pelajar yang tidak membayar yuran lebih dari dua bulan tidak dibenarkan ikuti kelas.
- 3) Pelajar yang mempunyai yuran tertunggak yang belum dijelaskan, tidak akan dibenarkan mengambil peperiksaan.
- 4) Pelajar yang tidak mampu membayar yuran penuh, boleh mengisi borang permohonan subsidi yuran.

## **Pemakaian**

Pelajar perempuan wajib berpakaian seperti berikut:

<b>JENIS</b>	<b>UKURAN/HAD</b>
Baju	Jubah hitam kosong yang tidak jarang dan ketat.
Tudung	Tudung labuh yang menutupi dada dan belakang serta sisi bahu kanan dan kiri. <i>Shawl</i> tidak dibenarkan.
Stokin	Wajib memakai stokin sepanjang masa. Tidak dibenar memakai <i>ankle socks</i> .
Wristband	Wajib memakai sarung tangan, jika lengan jubah singkat.
Muka	Dilarang keras memakai alat solek. Berikut juga adalah perkara-perkara yang tidak dibenarkan : <ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Contact lens</i> berwarna, atau yang membesarkan mata</li><li>• Tidak dibenarkan memakai apa jua bentuk cincin atau pun gelang</li></ul>



Pelajar lelaki wajib berpakaian seperti berikut:

<b>JENIS</b>	<b>UKURAN/HAD</b>
Songkok	Songkok atau kopiah berwarna putih.
Baju	Jubah atau baju kurung Melayu yang berwarna putih.  Setiap hari Jumaat, diwajibkan memakai jubah putih.
Seluar	Seluar 'jeans' atau sejenisnya tidak dibenarkan. Seluar senaman, atau seluar yang tidak formal juga tidak dibenarkan.

### **Barang-Barang Larangan**

- 1) Semua barang-barang elektronik di bawah tidak dibenarkan penggunaannya dalam kelas:
  - a. Sebarang jenis tablet
  - b. Alat-alat permainan elektronik
  - c. Telefon bimbit (perlu diserahkan kepada guru kelas) \*

\*Guru akan mengambil telefon bimbit setiap pelajar pada awal permulaan kelas tahfiz dan akan disimpan sepanjang pelajar berada di Darul Huffaz (termasuk waktu rehat). Ia hanya akan diserahkan pada akhir hari kelas pengajian.

Sekiranya pelajar didapati menggunakan telefon bimbit di Darul Huffaz, pihak Darul Huffaz berhak merampas atau mengambil tindakan yang sewajarnya.

- 2) Bahan hiburan dan lucu dalam apa jua bentuk sama ada dalam bentuk elektronik atau percetakan dan lain-lain.
- 3) Alat-alat merbahaya, seperti pemetik api, pisau dan lain-lain.

### **Pergaulan**

- 1) Dilarang berinteraksi antara lelaki dan perempuan, sama ada secara lisan, tulisan atau media elektronik jika tiada keperluan.
- 2) Dilarang keras bergurau, mengejek, mengganggu dan mempermain-mainkan pelajar lain secara berlebihan dan keterlaluan.
- 3) Dilarang keras berkelakuan kurang sopan atau menggunakan kata-kata kesat, maki, caci, samada dengan pelajar, guru atau sesiapa sahaja.

### **Makan Dan Minum**

- 1) Dilarang makan dan minum di dalam kelas ketika kelas sedang berjalan.

- 2) Hendaklah membersihkan tempat makan serta membuang sampah ke dalam tong sampah di luar Darul Huffaz selepas makan dan minum.
- 3) Wajib masuk ke kelas tepat pada waktunya setelah tamat waktu rehat.
- 4) Membayar makanan atau minuman yang diambil dari premis Darul Huffaz. Tidak dibenarkan berhutang. Bayaran boleh diserahkan kepada guru kelas, atau dimasukkan dalam tabung yang telah disediakan.

### **Penjagaan Harta Benda Darul Huffaz**

- 1) Tidak merosakkan harta benda Darul Huffaz.
- 2) Menutup lampu, kipas dan air-con selepas kelas.
- 3) Tidak berlegar di sekitar premis Darul Huffaz selepas tamat kelas kecuali dengan izin guru atau pegawai Darul Huffaz.
- 4) Wajib menjaga kebersihan semua ruang Darul Huffaz.
- 5) Wajib menjaga dengan baik semua harta-benda Darul Huffaz.
- 6) Pastikan peralatan seperti kerusi dan meja tersusun selepas menggunakannya.
- 7) Dilarang keras membazirkan air dan elektrik.
- 8) Dilarang membuka aircon selepas waktu kelas kecuali dengan izin pihak Darul Huffaz.

**Dalam Kelas**

- 1) Dilarang keras berkelakuan biadab dan tidak menghormati guru.
- 2) Wajib membawa buku serta bahan pembelajaran seperti mushaf dan buku-buku teks setiap hari.
- 3) Menambah hafalan setiap hari dan melakukan semua tugas rumah yang diberikan oleh guru.
- 4) Meminta izin dari guru kelas sekiranya hendak keluar dari kelas.
- 5) Menunjukkan adab dan akhlak yang baik sebagai seorang pelajar Islam semasa di dalam kelas.
- 6) Wajib mengikuti arahan guru.
- 7) Wajib hadir kelas.

**Di Luar Darul Huffaz**

- 1) Wajib menjaga imej sebagai seorang pelajar Tahfiz.
- 2) Pelajar bertanggung-jawab menjaga nama baik Darul Huffaz.
- 3) Dilarang keras mempamerkan aktiviti dan foto-foto yang menjatuhkan imej sebagai pelajar Tahfiz di laman internet seperti Facebook, Instagram dan lain-lain lagi.

- 4) Dilarang keras menghadiri konsert hiburan yang haram dan tempat-tempat yang haram seperti tempat perjudian, KTV, night club, Pub dan sebagainya.

### **Alat Elektronik**

Tidak mencaj sebarang alat elektronik peribadi di Darul Huffaz.

### **Kelas Tahfiz**

- 1) Menggunakan dan membawa mushaf 'Terjemahan Darul Huffaz' ke kelas setiap hari.
- 2) Tidak dibenarkan meninggalkan mushaf di Darul Huffaz.
- 3) Memiliki dan membawa Buku Kemajuan Hafalan setiap hari.
- 4) Mengambil berat akan tugas hafalan yang diberi guru dan berusaha melakukan persediaan dari rumah.
- 5) Tidak berbual kosong setelah menyelesaikan hafalan. Gunakan masa tersebut untuk murajaah.
- 6) Wajib melakukan tiga perkara berikut dalam setiap kelas Tahfiz:
  - a. Tasmi'
  - b. Talaqqi
  - c. Murajaah

- 7) Memulakan kelas pada setiap hari Isnin – Khamis dengan bacaan surah Yaasin beramai-ramai. Manakala pada hari Jumaat membaca surah al-Kahfi beramai-ramai.
- 8) Mana-mana pelajar yang tidak sempat menyelesaikan sukatan hafalan al-Quran pada semester yang lalu, diwajibkan untuk menghadiri kelas tambahan tahfiz selepas kelas.
- 9) Pelajar yang tidak menghafal sukatan hafalan al-Quran harian yang ditetapkan, akan ditahan sehingga jam 5.00 petang sehingga selesai hafalan.

### **Kelas Subjek**

- 1) Wajib membawa buku yang diajar pada hari tersebut.
- 2) Wajib membuat tugas yang diberikan.
- 3) Jika pelajar hilangkan buku kemajuan pelajar, wajib untuk membeli yang baru.

### **Peperiksaan**

- 1) Setiap pelajar wajib datang untuk menduduki peperiksaan tepat pada masanya.
- 2) Pelajar yang lewat 20 minut tidak dibenarkan untuk mengambil peperiksaan pada hari tersebut.

- 3) Pelajar hanya dibenarkan mengambil semua peperiksaan kali kedua sekiranya ada MC dan pemakluman awal, sama ada melalui sms atau panggilan talifon ke nombor Darul Huffaz.
- 4) Mana-mana pelajar yang mengambil *retake paper* tetap akan dipotong markah dari markah keseluruhan yang asal.
- 5) Pihak Darul Huffaz berhak untuk tidak mengizinkan pelajar menduduki peperiksaan sekiranya peraturan di atas tidak dipatuhi.

### **Hukuman**

Pelajar yang melanggar peraturan akan dikenakan hukuman yang berikut:

- 1) Kesalahan pertama : Amaran.
- 2) Kesalahan kedua : Ibu-bapa akan dipanggil.
- 3) Kesalahan berat: Diberhentikan daripada pengajian.